

Headline	Sapura buru gelaran berganda		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	16 Sep 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	60
Section	Sukan	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	249 cm ²		
PR Value	RM 19,386		



Tekad muncul juara baharu liga hoki selepas merangkul Piala Tan Sri P. Alagendra

Sapura buru gelaran berganda

Oleh MUHAMMAD ZUHALY BADLISHAH

SAPURA akan ditabalkan sebagai juara baharu Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) jika berjaya memenangi baki dua perlawanan sekali gus merangkul kejuaraan berganda musim ini selepas terdahulu merangkul trofi Piala Tan Sri P. Alagendra.

Sehubungan itu, ketua jurulatih Sapura, Yahya Atan menggesa barisan pemainnya menumpukan fokus kepada aksi menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu hari ini sebelum beralih pertemuan dengan Maybank dua hari kemudian.

"Pertemuan dengan THT esok (hari ini) amat penting kerana ia akan menentukan kedudukan kami dalam saingan liga. Begitu juga dengan perlawanan Ahad ini bertemu Maybank yang mana saya mahu kami menang kedua-dua perlawanan itu.

"Misi pertama kami menjulang Piala Tan Sri P. Alagendra sudah tercapai dan kini secara peribadi, saya mahu meriah sasaran seterusnya iaitu gelaran juara liga," katanya.

Sebagai rekod, Sapura muncul juara edisi pertama Piala Tan Sri P.

Alagendra selepas menumpaskan Tenaga Nasional Bhd. 2-1 pada aksi final di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Meskipun baru turun beraksi tiga hari lepas, namun Yahya menyifatkan anak-anak buahnya dalam keadaan cergas dan sudah bersedia sepenuhnya menghadapi baki dua perlawanan getir minggu ini.

"Setiap pemain cukup bersemangat untuk mengharungi baki

saingan liga kerana kejayaan memenangi Piala Tan Sri P. Alagendra meningkatkan semangat kami untuk memburu gelaran seterusnya," jelasnya.

Sementara itu, pengendali THT, Sarjit Singh mengakui peluang anak-anak buahnya mempertahankan kejuaraan liga buat kali ketiga berturut-turut dilihat sukar memandangkan skuad bimbingannya kini di tangga ketiga liga, dua mata di belakang Sapura.



PARA pemain Sapura meraikan kejayaan merangkul Piala Tan Sri P. Alagendra selepas menewaskan TNB 2-1 pada aksi final di Kuala Lumpur Selasa lalu.